

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : NASIONAL

KKM teliti semula GEG - Dr Zaliha

KUALA LUMPUR - Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa memaklumkan akan meneliti semula Dasar Generasi Penamat (GEG), dari segi pelaksanaannya menerusi Rang Undang-Undang (RUU) Kawalan Produk Tembakau dan Merokok 2022 yang belum diluluskan di Parlimen.

"(Dasar GEG) itu ada baiknya, tetapi saya perlu lihat dari segi pelaksanaannya. Pelaksanaan itu apa-

bila kita nak sampai ke sesuatu keputusan, kadangkala (pelaksanaan) tidak boleh drastik... itu saya akan lihat," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditanya sama ada mahu meneruskan pelbagai dasar digubal kementerian itu oleh menteri sebelumnya.

Dr Zaliha berkata, beliau terbuka untuk menerima nasihat dan cadangan daripada bekas menteri-menteri

kesihatan dan pemegang taruh dalam menerajui kementerian itu.

Rang undang-undang berkenaan antaranya bakal melarang penjualan serta penggunaan sebarang bentuk bahan merokok termasuk rokok elektronik atau vape kepada individu yang dilahirkan pada 1 Januari 2007 dan tahun seterusnya, bertujuan melahirkan Generasi Penamat bagi me-

rokok. - *Bernama*